

Jadi sekiranya kitab-kitab lama dibuang , sebagaimana disyorkan oleh pensyarah-pensyarah itu maka dengan apakah orang-orang di kampung itu dapat mempelajari agamanya? Sebab itu, pendapat ini, yang begitu progresif belum pada tempatnya dan belum pada ketikanya dikemukakan. Biarlah pokok tua itu jangan ditebang, biarkan ia hidup walaupun buahnya masam, kecil dan seumpamanya tetapi masih boleh dimakan daripada tidak ada pokok apa lagi buahnya sebab itu berusahalah mengadakan pokok-pokok baru sampai ia tumbuh dan biarkan sehingga ia berbuah dan dan serahkan kepada masyarakat menentukan kesukaanya memakan buah barukah atau buah lama dan kalaupun pokok lama hendak ditebang gantinya telah terpampang dan buahnya telah dapat dinikmatinya.

Sekiranya pensyarah-pensyarah itu terus sahaja mencabar dan menentang pokok tua sedang mereka sendiri tidak menanam pokok baru maka ini akan menimbulkan perselisihan-perselisihan yang baru dikalangan masyarakat kita dan menjauhkan ini adalah suatu kebijaksanaan bagi pensyarah-pensyarah itu jangan mencabar dan mencela yang telah ada kerana kepadanya wajib bersyukur untung adanya yang lama yang telah membawa hasil kalau tidak apatah jadi pokok lama disuruh tebang – pokok baru hanya di dalam angan-angan sahaja. Berhati-hatilah bagi menjaga persatuan dan jauhkan cela-mencela terutamanya didalam keadaan darurat ini.

* * *

Pancaran aman di Yaman

Suatu perjanjian telah ditandatangani oleh *President* Jamal Abdul Nasir bagi Republik Arab Bersatu dengan *Jalālah al Malik al Mu'azzam* Faysal bagi Kerajaan '*Arabiyyah Sa'ūdiyyah* menamatkan perang saudara di Yaman yang telah berjalan tiga tahun lamanya. Perjanjiaan itu

memberhentikan tembak-menembak seberapa segera dan menyetujui pengeluaran tentera Republik Arab Bersatu yang dikatakan sebanyak 50 000 orang dari Yaman dalam masa sepuluh bulan mulai 23 November 1965. Dalam perjanjian itu juga dipersetujukan suatu pemungutan suara untuk rakyat Yaman diadakan selewat-lewatnya pada 23 November 1966. Sebaliknya kerajaan '*Arabiyyah Sa'ūdiyyah* akan memberhentikan dengan segera semua bantuan-bantuan tentera kepada kerajaan Yaman dan menegah bumi Sa'ūdī dijadikan pangkalan bagi menentang pihak Yaman. Pertempuran-pertempuran akan diberhentikan segera dan sebuah Suruhanjaya Bersama diadakan bagi melihat perdamaian bagi kedua belah pihak.

Suruhanjaya tersebut juga akan mengawasi pemberhentian tembak-menembak itu dan menempatkan wakil-wakil mereka di sempadan pelabuhan-pelabuhan bagi menghentikan semua bantuan tentera dibawa masuk ke dalam Yaman sehingga hasil pungutan suara dapat di ketahui.

Perang Saudara di Yemen telah berlaku pada 1962 apabila Abdullah Salal melakukan pemberontakan menentang pemerintahan beraja yang pada masa itu ialah Imam Ahmad al-Badar. Apabila al-Badar jatuh maka Abdullah Salal menjadi *President* bagi daerah yang dikuasainya dan yang menjadi tulang belakang menentang Imam Badar itu ialah Republik Arab Bersatu yang telah menghantar kira-kira 50 000 tentera dengan cukup alat kelengkapan. Kerajaan Sa'ūdī pula menyokong Imam yang melakukan penentangan kepada Salal dari gua-gua dan gunung-gunung di negeri Yaman itu dengan bantuan senjata.

Perbuatan pemerintah Republik Arab Bersatu menghantar tentera itu umumnya dicela oleh Dunia Arab kerana menghantarkan bantuan itu bererti berbunuhan di antara sesama Muslimin dan orang-orang Yaman terutamanya di pihak Salal